Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Pihak-Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Tuan,

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2001

PERKHIDMATAN MEMBELI DAN MEMUNGUT SISA PLASTIK DI SEMUA KEMENTERIAN, JABATAN KERAJAAN, BADAN BERKANUN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kontrak yang telah dipersetujui di antara Kerajaan dengan Syarikat B.TIS Manufacturer Sdn. Bhd. dan Cratex (M) Sdn. Bhd. bagi membekalkan perkhidmatan yang tersebut di atas.

2. Butir-butir lanjut mengenai syarikat adalah seperti di *Lampiran A*.

3. Tempoh kontrak ini adalah untuk tempoh dua tahun mulai 1 Mei 2001 hingga 30 April 2003.

4. Harga belian sisa plastik adalah diantara 10 sen - RM1.50 seunit seperti di ***Jadual C*** *kepada Terma Syarat Kontrak*.

5. Terma dan syarat kontrak adalah seperti di ***Lampiran B.***

6. Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah melaksanakan tanggungjawab berikut bagi melicinkan perjalanan kontrak ini:-

   (a) menggunakan Borang di Lampiran I untuk membuat pesanan kepada syarikat untuk memungut sisa plastik;

   (b) memastikan supaya sisa plastik dikumpulkan di satu tempat yang sesuai untuk memudahkan proses pungutan;

   (c) membenarkan kontraktor masuk ke dalam stor atau kawasan penyimpanan bagi melihat sendiri sisa plastik sebelum pungutan dibuat;

(d) menyemak serta mengesahkan nama dan nombor kad pengenalan kontraktor atau wakil kontraktor yang memungut sisa plastik;

(e) memastikan bayaran sepenuhnya dibuat bagi setiap pungutan sisa plastik sebelum dibawa keluar dari premis Jabatan dan selanjutnya menyaksikan penyata pungutan yang disediakan oleh syarikat mengikut format di Lampiran II ; dan

(f) menuntut apa-apa bayaran yang belum dijelaskan oleh kontraktor termasuk bayaran denda dan melaporkan kepada Kementerian Kewangan dari masa ke semasa kontraktor yang gagal menjelaskan bayaran supaya dapat diambil tindakan sewajarnya.

7. Semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menggunakan kontrak ini dalam urusan melupus sisa plastik. Penjualan kepada pihak lain hanya dibenarkan setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia.

8. Penjualan sisa plastik seperti diterangkan di atas adalah tertakluk kepada peraturan pelupusan semasa khususnya ia hendaklah dilakukan setelah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan untuk menjualnya sebagai sisa plastik.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ITHNIN BIN HJ. HASSAN)
Setiausaha Bahagian Kawalan dan Pemantauan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

30 April 2002

s.k:

Akauntan Negara Malaysia
Ketua Audit Negara
YB Pegawai-Pegawai Kewangan Negeri
Semua Ketua Bahagian Perbendaharaan

Lampiran A

(a)	Nama Syarikat	:	B.TIS Manufacturer Sdn. Bhd., Lot 1404, Batu 8½, Jalan Pahang Lama, Gombak Utara, 53100 SELANGOR.
	No. Telefon	:	03-61893246
	No. Fax	:	03-61883528 E-mail: btis@tm.net.my
	Pengarah Urusan	:	Y. Bhg. Dato' Zainal Abadin
	No. Kontrak	:	PERB/PK/ 24 /2001
(b)	Nama Syarikat	:	Cratex (M) Sdn. Bhd., 141-A, Jalan SS 15/5A, 47500 Subang Jaya, SELANGOR DARUL EHSAN
	No. Telefon	:	03 - 5633388
	No. Fax	:	03 – 56345149 E-mail: cratex@tm.net.my
	Pengarah Urusan	:	Encik Mohd. Jaafar bin Ab Aziz
	No. Kontrak	:	PERB/PK/25/2001

Lampiran B

TERMA DAN SYARAT-SYARAT KONTRAK

1. TAKRIF SISA PLASTIK

1.1. Sisa Plastik bermaksud perabot jenis *polypropylene* dan lain-lain barang yang diperbuat daripada bahan plastik yang tidak boleh digunakan dalam bentuk atau fungsi asalnya.

2. TEMPOH KONTRAK

2.1. Kontrak ini adalah untuk tempoh dua (2) tahun mulai 1 Mei 2001 hingga 30 April 2003.

3. NILAI KONTRAK

3.1. Nilai had bumbung kontrak ini adalah sebanyak Ringgit Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000.00) sahaja selepas ini disebut "Nilai Kontrak". Kerajaan tidak terikat untuk menggunakan kesemua had bumbung yang ditetapkan dalam kontrak ini.

3.2. Harga sisa plastik adalah seperti di Jadual C.

4. BON PERLAKSANAAN

4.1. Kontraktor adalah dikehendaki mengemukakan kepada Kerajaan suatu Bon Perlaksanaan bernilai Ringgit Enam Ribu Dua ratus Lima Puluh (6,250.00) sahaja, iaitu dua setengah peratus (2.5%) dari nilai kontrak dalam bentuk jaminan bank yang tidak boleh dibatalkan yang dikeluarkan oleh sebuah bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia dan Bon Perlaksanaan itu hendaklah berkuatkuasa bagi tempoh kontrak ini dan terus berkuat kuasa selama dua belas (12) bulan selepas tamatnya kontrak ini. Bon Pelaksanaan ini akan dikembalikan kepada kontraktor apabila tamat tempoh kuat kuasanya dengan syarat kontrak ini telah dilaksanakan dengan memuaskan dan tertakluk kepada apa-apa potongan yang dibuat oleh Kerajaan mengikut peruntukan dalam kontrak ini berhubung dengan apa-apa perlanggaran syarat dan kegagalan melaksanakan kontrak ini di pihak kontraktor.

4.2. Jika kontrak ini ditamatkan (di bawah klausa 17 Surat Perjanjian), Kerajaan berhak menuntut Bon Pelaksanaan sepenuhnya.

5. PESANAN PUNGUTAN

5.1. Semua pesanan kepada kontraktor hendaklah dibuat **secara giliran** menggunakan Borang Pesanan Pungutan Sisa Plastik seperti di Lampiran I dengan mencatat No. Kontrak, kod, jenis perabot, komponen dan harga. Pesanan terakhir oleh Jabatan mestilah dibuat tidak lewat dari tiga (3) minggu sebelum tarikh tamat kontrak.

5.2. Jabatan adalah dikehendaki menjual sisa plastik kepada Panel Kontraktor secara giliran. Walau bagaimanapun semua sisa plastik yang sedia ada hendaklah dijual sekaligus kepada Kontraktor Panel yang dipilih. Jabatan adalah dilarang memecahkecilkan penjualan sisa plastik yang sedia ada dan menjual kepada lebih daripada satu Kontraktor Panel pada satu-satu masa.

6. PEMBAYARAN

6.1. Jabatan tidak boleh membenarkan kontraktor membawa keluar sisa plastik dari premisnya jika bayaran sepenuhnya belum dibuat.

6.2. Segala bayaran hendaklah dibuat secara tunai/bank draf/kiriman wang/ kiriman wang pos/cek syarikat kontraktor sahaja.

7. SYARAT-SYARAT PEMBELIAN

7.1. Kontraktor akan membeli dan memungut sisa plastik mengikut terma dan syarat kontrak ini. Sisa plastik yang telah dijual dan dipungut oleh kontraktor tidak boleh dikembalikan semula kepada Entiti Kerajaan.

8. CARA PUNGUTAN

8.1. Kontraktor adalah dikehendaki:

8.1.1 menyediakan lori atau kemudahan pengangkutan lain untuk mengangkut sisa plastik daripada tempat pungutan;

8.1.2 menyediakan buruh dan peralatan pengendalian bagi mengangkut sisa plastik ke dalam lori;

8.1.3 menghubungi Jabatan Kerajaan sebelum membuat pungutan sisa plastik;

8.1.4 mengemukakan surat perwakilan kuasa kepada Jabatan pengguna jika pungutan dibuat oleh wakil kontraktor;

8.1.5 menentukan bahawa permintaan pungutan di luar jangkaan dibuat secepat mungkin; dan

8.1.6. mengemukakan Penyata Pesanan Pungutan dan Bayaran Sisa Plastik kepada Kementerian Kewangan setiap **tiga (3) bulan**.

9. TEMPOH PUNGUTAN

9.1. Kontraktor hendaklah membuat pungutan sisa plastik dalam tempoh **dua (2) minggu dari tarikh yang dinyatakan dalam borang pesanan secara giliran**. Jika Kontraktor tersebut gagal membuat pungutan, Jabatan hendaklah menawarkan sisa plastik kepada kontraktor lain di dalam Panel Kontraktor dengan memberi tempoh **dua (2) minggu** untuk membuat pungutan dari tarikh pesanan dan satu salinan pesanan itu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Jika Kontraktor Kedua gagal memungut sisa plastik dalam tempoh yang ditetapkan, Jabatan hendaklah menjual sisa plastik di luar kontrak pusat secara sebutharga dan kos perkhidmatan sebanyak lima peratus (5%) hendaklah dikenakan kepada kontraktor-kontraktor yang gagal membuat pungutan.

9.2. Dalam hal ini setiap Kontraktor yang **gagal** memungut sisa plastik dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah dikenakan bayaran gantirugi oleh Jabatan dengan kadar 10% daripada jumlah hasil jualan. Jika Kontraktor gagal membayar gantirugi, perkara ini hendaklah dilaporkan kepada Kementerian Kewangan.

10. PUNGUTAN MINIMUM

10.1. Pungutan minimum sisa plastik adalah sebanyak **RM50.00** (Ringgit Lima Puluh Sahaja). Jika Jabatan mempunyai sisa plastik kurang dari RM50.00 maka jabatan dikehendaki terlebih dahulu menghubungi PANEL KONTRAKTOR secara bertulis dengan memberi tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat Jabatan bagi memungut sisa plastik tersebut. Jika Kontraktor tersebut tidak berminat atau tidak memberi sebarang maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan, tawaran hendaklah diberikan kepada Kontraktor lain di dalam Panel

Kontraktor dengan memberi tempoh yang sama **(2 minggu)** dari tarikh surat jabatan. Jika Kontraktor Kedua ini juga gagal memungut dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat, Jabatan hendaklah menjual sisa plastik di luar kontrak pusat secara sebutharga.

10.2. Dalam hal ini Kontraktor-kontraktor yang gagal memungut sisa plastik dalam tempoh yang ditetapkan tidak dikenakan bayaran gantirugi dengan kadar 10% daripada jumlah hasil jualan dan 5% kos perkhidmatan memandangkan pungutan ini adalah opsyenal.

11. PENYEDIAAN PENYATA PESANAN PUNGUTAN DAN BAYARAN SISA PLASTIK

11.1. Bagi setiap pungutan, sekurang-kurangnya dua (2) salinan borang Penyata Pesanan Pungutan dan Bayaran Sisa Plastik seperti di Lampiran II hendaklah diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh pihak kontraktor dan Entiti Kerajaan dan satu salinan hendaklah disimpan oleh Entiti Kerajaan dan satu salinan oleh kontraktor.

11.2. Penyata Pungutan Sisa Plastik seperti di Lampiran III hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kawalan dan Pemantauan, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur setiap tiga (3) bulan sekali, selewat-lewatnya pada 15 haribulan bulan berikutnya.

11.3. Kontraktor yang gagal menghantar Penyata Pungutan akan dikenakan denda sebanyak Ringgit Lima (RM5.00) sahaja bagi tiap-tiap satu hari sehingga Penyata Pungutan Sisa Plastik diakui terima oleh Kerajaan.

12. HAK KERAJAAN JIKA KONTRAKTOR LEWAT ATAU GAGAL MEMUNGUT SISA PLASTIK ATAU LEWAT ATAU GAGAL MENJELASKAN BAYARAN PUNGUTAN SISA PLASTIK

12.1. Jika kontraktor didapati lewat atau gagal memungut sisa plastik atau lewat atau gagal menjelaskan bayaran sisa plastik, kerajaan boleh

12.1.1 menamatkan kontrak ini; atau

12.1.2 menggantung perolehan perkhidmatan dibawah kontrak ini sehingga kontraktor melaksana atau menyelesaikan pungutan atau menjelaskan bayaran sisa plastik, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

12.1.3 menjual sisa plastik yang tidak dipungut kepada kontraktor-kontraktor lain dalam Panel dibawah kontrak ini dan kontraktor boleh dikenakan bayaran suatu amaun minimum

sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada jumlah hasil jualan itu sebagai ganti rugi kepada Kerajaan; atau

12.1.4 mengambil tindakan undang-undang supaya kontraktor melaksanakan atau menyelesaikan pungutan atau menjelaskan bayaran sisa plastik yang telah dipungut; atau

12.1.5 melupuskan atau mengalihkan sisa plastik yang tidak dipungut dan kos pengalihan akan ditanggung oleh Kontraktor sebagai ganti rugi.

13. "SET OFF"

13.1. Kerajaan boleh memotong apa-apa wang yang kena bayar oleh kontraktor di bawah kontrak ini atau di bawah mana-mana kontrak sama ada kontrak itu adalah secara bertulis atau tidak atau sebahagian bertulis dan sebahagian lagi tidak bertulis, daripada apa-apa wang yang kena bayar oleh kerajaan kepada kontraktor di bawah kontrak ini atau apa-apa kontrak lain. Jika wang yang kontraktor berhak menerima daripada Kerajaan itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan Kerajaan, Kerajaan boleh menuntut baki daripada kontraktor dan kontraktor hendaklah membuat pembayaran selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari selepas menerima tuntutan ini.

14. PENAMATAN KONTRAK (Klausa 17 Surat Perjanjian)

14.1. Kerajaan berhak, selepas memberi notis bertulis selama tiga puluh (30) hari kepada kontraktor menamatkan kontrak ini jika berlaku keadaan-keadaan yang termasuk seperti berikut:-

14.1.1 Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap mana-mana terma dan syarat yang terdapat dalam kontrak ini; atau

14.1.2 Kontraktor tidak lagi memiliki Akuan Pendaftaran Kontraktor yang masih sah laku; atau

14.1.3 Kerajaan mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa kontraktor atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya, sama ada dengan atau di luar pengetahuan kontraktor, melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang berhubung dengan perolehan atau pelaksanaan kontrak ini atau mana-mana kontrak lain dengan kerajaan; dan

14.1.4 Kontraktor sebagai suatu firma atau mana-mana pekongsi firma itu, pada bila-bila masa menjadi bankrap atau satu perintah penerimaan atau perintah penghukuman dibuat

terhadapnya atau membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang-pemiutangnya, atau jika kontraktor adalah satu syarikat meluluskan satu ketetapan, atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digulung (bukan suatu penggulungan bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat satu perintah penggulungan.

14.2. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Kerajaan boleh menamatkan kontrak ini dengan memberi tiga puluh (30) hari notis bertulis.

14.3. Penamatan kontrak ini hendaklah tidak menyentuh apa-apa hak Kerajaan untuk mendapat ganti rugi dan menguatkuasakan apa-apa hak lain di bawah undang-undang.

15. SUBKONTRAK

15.1. Kontraktor tidak boleh memberi subkontrak ke atas keseluruhan atau sebahagian kontrak ini kepada mana-mana pihak ketiga tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan terlebih dahulu. Jikalau kontrak ini atau mana-mana bahagian daripadanya dibuat subkontrak dengan kebenaran bertulis Kerajaan, kontraktor hendaklah terus bertanggungjawab secara sendiri dan peribadi bagi memastikan bahawa kontraktor itu mematuhi syarat-syarat dan terma-terma perjanjian ini.

16. PINDAH HAK MILIK

16.1. Kontraktor tidak boleh serah hak atau memindah kepada mana-mana pihak ketiga keseluruhan atau sebahagian faedah atau obligasi kontrak ini tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan terlebih dahulu.

Sila kemukakan apa-apa pertanyaan mengenai kontrak ini kepada:

Unit Pengurusan Aset
Bahagian Kawalan dan Pemantauan
Kementerian Kewangan Malaysia
Tingkat 4, Blok D,
Kompleks Kerajaan Bukit Perdana,
Jalan Dato' Onn,
50592 Kuala Lumpur.

No.Tel : 03-20983010
03-20983020
03-20983012

Jadual C

SENARAI HARGA SISA PLASTIK

Bil	Kod	Jenis Perabot	Komponen	Harga Seunit (RM)
1	MBK CR14 MBK CR 14(1)	Kerusi Kuliah	Mangkuk Kaki (besi) Tablet	0.50 0.80 0.30
2	MBK CR 15A	Kerusi berangkai tiga tanpa tangan	Mangkuk Kaki (besi)	0.50 1.20
3	MBK CR 15B	Kerusi berangkai empat tanpa tangan	Mangkuk Kaki (besi)	0.50 1.50
4	MBK CR 16B	Kerusi berangkai empat tangan dengan tangan	Mangkuk Kaki (besi)	0.65 1.50
5	MCR 3	Meja pelajar berlaci	Table top Kaki (besi)	0.70 0.90
6	MBK CR 18A MBK CR 18A (1)	Kerusi tanpa tangan	Seunit	1.00
7	MBK CR 18B MBK CR 18 B(1)	Kerusi dengan tangan	Seunit	1.30
8.	-	Pinggan/mangkuk/cawan /gelas	Seunit	0.10
9.	-	Tray makan	Seunit	0.20

Lampiran I

BORANG PESANAN PUNGUTAN SISA PLASTIK

.....

.....

.....

.....

Ruj. Kami : .....

Tarikh : .....

.....

.....

.....

.....

Tuan,

Pesanan Pungutan Sisa PLastik
No. Kontrak : PERB/PK/ /2002
Pekeliling Kontrak Perbendaharaan
Bil. ..... Tahun 2002

Merujuk kepada perkara di atas adalah dimaklumkan bahawa terdapat sisa plastik di ..... yang telah diluluskan untuk dijual kepada tuan.

2. Butir-butir sisa plastik tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Kod	Jenis Perabot/Sisa Plastik	Kuantiti	Harga (RM)

3. Pihak tuan adalah dikehendaki memungut sisa plastik berkenaan dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh pesanan pungutan ini.

4. Jika pihak tuan gagal memungut sisa plastik berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan, pihak kami menganggap tuan tidak berminat dan ianya akan ditawarkan kepada **kontraktor lain di dalam Panel Kontraktor atau pihak ketiga** dan tuan akan dikenakan bayaran minimum sebanyak 10% daripada jumlah hasil jualan itu sebagai gantirugi dan 5% bayaran perkhidmatan jika di jual kepada pihak ketiga.

5. Pihak tuan dikehendaki membuat bayaran sebanyak RM .....
(Ringgit .....) sebelum pungutan sisa plastik dibuat.

Sekian. Terima kasih.

(.....)

Nama : .....
Jawatan : .....

Lampiran II

Penyata Setiap Pungutan Dan Bayaran Sisa Plastik
(Klausa Kontrak I1.1.)

Nama dan Alamat Jabatan / Agensi :.....

Negeri:.....

Tarikh Pesanan	Tarikh Pungutan	*Tempoh Pungutan	Kod/Jenis perabot	Kuantiti	Nilai Jualan	Catatan

*Nota:- Tempoh pungutan dikira denagan menolak tarikh sisa plastik siap dipungut dengan tarikh pesanan dibuat.

Akuan Pungutan dan Bayaran:-

Nama Pemungut/Wakil:.....

Tandatangan:.....

No.K/P:.....

Cop Syarikat:.....

Tarikh:.....

Disaksikan Oleh:-

Nama Pegawai
Jabatan/Agensi:.....

Tandatangan:.....

No. K/P:.....

Cop Jabatan/Agensi:.....

Tarikh:.....

Lampiran III

Kepada:-
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Kawalan dan Pemantauan

Penyata Pungutan Sisa Plastik
Bagi Suku Tahun Pertama/ Kedua/Ketiga/Keempat Tahun.....
(Klausa Kontrak 11.2.)

Negeri:.....

Kementerian/ Agensi	Jabatan	Nilai Jualan	Purata Tempoh Pungutan	Catatan

*Nota:- Purata tempoh pungutan dikira dengan menolak tarikh sisa plastik siap dipungut dengan tarikh pesanan dibuat.

Nama Syarikat:.....

Cop Syarikat:.....

Nama dan Tandatangan Pegawai:.....
No.K/P:.....

Tarikh:.....